

CABUTAN BERTUAH UNTUK PELANGGAN - TERMA DAN SYARAT

1. Penganjur & Kelayakan

- 1.1 “**Go Cashless, Win Big!**” (“**Peraduan**”) dianjurkan bersama oleh J&T Express (Malaysia) Sdn Bhd (“J&T”) (Company No.: 200801035403(836743-D)) dirujuk sebagai (“**Penganjur**”) dan Payments Network Malaysia Sdn Bhd (“PayNet”) (No. Syarikat: 200801035403 (836743-D)) dirujuk sebagai (“**Penaja**”).
- 1.2 Peraduan ini terbuka kepada (a) semua pengguna DuitNow QR dan pemegang kad Mesin Juruwang Automatik (“ATM”) MyDebit yang dikeluarkan oleh institusi kewangan MyDebit di Malaysia; dan (b) peserta mestilah merupakan warganegara Malaysia dan penduduk tetap yang mempunyai dokumen/kad pengenalan diri yang sah semasa Tempoh Peraduan (“**Peserta**”); (c) Peserta mestilah berumur 18 tahun dan ke atas dan mesti mempunyai akaun yang sah dengan mana-mana institusi kewangan di Malaysia; (d) akaun tersebut mestilah tidak dorman dan dalam kedudukan kewangan yang baik, sepanjang Tempoh Peraduan sehingga selesai penebusan hadiah.
- 1.3 Individu-individu yang tersenarai di bawah adalah tidak layak menyertai Peraduan ini:
 - Kakitangan pihak Penganjur dan Penaja (termasuk syarikat bersekutu, anak syarikat atau yang berkaitan dengannya) serta ahli keluarga mereka yang terdekat (anak-anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri); dan/atau
 - Wakil, kakitangan, pekerja, ejen pembekal khidmat pengiklanan dan/atau agensi promosi Peraduan bagi pihak Penganjur dan Penaja (termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya), dan ahli keluarga mereka yang terdekat (anak-anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri).

2. Tempoh Peraduan & Kriteria Kelayakan

- 2.1 Peraduan ini akan berlangsung dari **15 Jun 2024** jam 12:00am sehingga **15 September 2024** jam 11:59 malam (Waktu Malaysia) (“**Tempoh Peraduan**”).
- 2.2 Bayaran untuk parcel *Cash on Delivery (COD)* menggunakan DuitNow QR atau MyDebit, dalam Tempoh Peraduan yang ditetapkan akan layak dengan maksimum **SATU (1)** penyertaan (**penyertaan secara automatik**) bagi setiap “air waybill” (“**AWB**”).

- 2.3 Peserta berhak menghantar seberapa banyak penyertaan sepanjang tempoh peraduan sekiranya kriteria dipenuhi
- 2.4 Bayaran untuk parcel *Cash on Delivery (COD)* yang terima selepas tempoh peraduan tidak layak untuk menyertai Peraduan
- 2.5 Pihak Pengajur berhak untuk menukar atau, melanjutkan Tempoh Peraduan mengikut budi bicara mutlak tanpa sebarang notis.

3. Cara Penyertaan

- 3.1 Peserta akan didaftarkan secara automatik untuk menyertai peraduan sekiranya bayaran untuk parcel *Cash On Delivery (COD)* dibuat menggunakan DuitNow QR atau kad MyDebit ATM

4. Hadiah

- 4.1 Hadiah Peraduan (“**Hadiah**”):
 - a) Hadiah Utama: Dua (2) pemenang akan menerima iPhone15 256GB setiap satu;
 - b) Hadiah Kedua: Tiga (3) pemenang akan menerima Oppo Find N3 Flip setiap satu;
 - c) Hadiah Ketiga: Tiga (3) pemenang akan menerima Apple Watch setiap satu;
 - d) Hadiah Saguhati: Dua ratus (200) pemenang akan menerima 99 Speedmart baucar bernilai RM100 setiap satu;
 - e) Hadiah Bulanan (Jun): Dua ratus (200) pemenang akan menerima 99 Speedmart baucar bernilai RM50 setiap satu; dan
 - f) Hadiah Bulanan (Julai): Dua ratus (200) pemenang akan menerima 99 Speedmart baucar bernilai RM50 setiap satu;
- 4.2 Sebanyak ENAM RATUS DAN LAPAN (608) Hadiah Peraduan untuk dimenangi.
- 4.3 Gambar Hadiah yang dipaparkan dalam mana-mana bahan promosi, iklan, penerbitan/laman web dan bahan lain yang berkaitan dengan Peraduan ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin berbeza daripada Hadiah yang sebenar.

5. Pemilihan Pemenang

- 5.1 Peserta yang layak akan disenarai pendek secara rawak oleh sistem pemilihan automatik berdasarkan jumlah bilangan AWB yang sah sepanjang Tempoh Peraduan (“Pemenang”).
- 5.2 Pemenang untuk Hadiah Bulanan layak memenangi hanya SATU (1) Hadiah semasa Tempoh Peraduan dan tidak layak untuk menjadi pemenang untuk Hadiah Bulanan seterusnya. Walau bagaimanapun, mereka masih layak untuk Hadiah Utama / Hadiah Kedua / Hadiah Ketiga / Hadiah Saguhati jika mereka memenuhi kriteria.
- 5.3 Pemenang akan diumumkan melalui akaun media sosial Penganjur, mengikut tarikh di bawah:
 - Hadiah Bulanan: 26 Julai & 26 Ogos 2024
 - Hadiah Utama / Hadiah Kedua / Hadiah Ketiga / Hadiah Saguhati: 26 September 2024
- 5.4 Pemenang Hadiah Utama / Hadiah Kedua / Hadiah Ketiga akan dihubungi oleh Penganjur berdasarkan maklumat nombor telefon penerima COD AWB yang dipilih. Jika Pemenang tidak dapat dihubungi selepas tiga (3) percubaan selama tiga (3) hari berturut-turut (waktu bekerja, Isnin hingga Jumaat), Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan Pemenang dan akan memilih Peserta yang layak seterusnya sebagai Pemenang, mengikut budi bicara mutlak Penganjur.
- 5.5 Pemenang Hadiah Utama / Hadiah Kedua / Hadiah Ketiga dikehendaki menyediakan dokumen pengenalan diri yang sah (kad pengenalan atau pasport Malaysia) semasa atau sebelum penebusan hadiah untuk proses pengesahan pemenang.

6. Penebusan Hadiah

- 6.1 Semua Pemenang Hadiah Utama / Hadiah Kedua / Hadiah Ketiga mesti menuntut Hadiah pada tarikh yang ditentukan oleh pihak Penganjur atau dalam tempoh DUA (2) bulan selepas dihubungi oleh pihak Penganjur (melalui SMS atau lain-lain bentuk komunikasi). Sekiranya Pemenang gagal untuk menuntut hadiah dalam masa yang diperuntukkan, pihak Penganjur

berhak untuk membatalkan hadiah atau memberikan hadiah tersebut kepada Pemenang lain.

- 6.2 Sekiranya Pemenang Hadiah Utama / Hadiah Kedua / Hadiah Ketiga mewakilkan individu lain untuk menuntut hadiah bagi pihak mereka mesti memaklumkan pihak Pengajur sekurang-kurangnya **DUA (2)** hari lebih awal dari tarikh yang telah ditentukan. Pemenang mesti memastikan bahawa wakil mereka menyediakan surat kebenaran yang dikeluarkan dan ditandatangani oleh Pemenang, serta salinan dokumen pengenalan diri Pemenang, dan dokumen pengenalan diri untuk wakil Pemenang yang sah.
- 6.3 Baucar tunai 99Speedmart akan dihantar kepada pemenang berdasarkan maklumat alamat penerima AWB COD yang dipilih. Baucar tunai akan dihantar dalam masa 3 minggu selepas tarikh pengumuman pemenang.
- 6.4 Hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai. Pihak Pengajur dan Penaja mempunyai hak untuk menukar hadiah dengan hadiah yang sama nilai atas budi bicara tunggal dan mutlaknya. Pihak Pengajur, agensi, sekutunya, Penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap hadiah yang rosak atau penyalahgunaan mana-mana Hadiah, atau tuntutan, liabiliti, kerugian atau kerosakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan Peraduan ini.
- 6.5 Nilai hadiah adalah tepat pada masa cetakan. Pihak Pengajur dan Penaja berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah yang sama nilainya pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlak mereka tanpa notis terlebih dahulu.
- 6.6 Penyempurnaan hadiah adalah bergantung kepada ketersediaan hadiah. Pihak Pengajur dan Penaja akan memaklumkan kepada Pemenang yang dipilih dari semasa ke semasa.
- 6.7 Hadiah adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh pembekal (jika berkaitan). Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, pihak Pengajur dan Penaja dan ejennya tidak bertanggungjawab terhadap semua liabiliti, kerugian dan kerosakan yang timbul daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan kepada butir-butir hadiah atau apa-apa keadaan yang tidak diduga di luar kawalan yang munasabah oleh pihak Pengajur dan Penaja dan untuk apa-apa perbuatan atau keingkaran oleh mana-mana vendor atau pembekal pihak ketiga.

- 6.8 Pihak Pengajur dan Penaja berhak untuk menangguhkan tarikh dan menukar tempat bagi menuntut Hadiah yang telah ditentukan sebelum penebusan Hadiah pada tarikh dan tempat yang lain sekiranya berlaku apa-apa keadaan yang di luar jangkaan.
- 6.9 Pihak Pengajur dan Penaja tidak akan bertanggungjawab dan/atau menanggung segala kos pengangkutan yang berkaitan dengan penebusan dan/atau penyerahan hadiah. Apa-apa kos tambahan, duti, cukai dan/atau perbelanjaan sampingan atau caj yang dikenakan berkaitan dengan penebusan hadiah adalah ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang.
- 6.10 Hadiah yang hilang atau rosak semasa proses penghantaran tidak boleh diganti dan pihak Pengajur dan Penaja menafikan sebarang kewajipan untuk tidak menggantikan atau memenuhi hadiah tersebut.
- 6.11 Semua keputusan yang dibuat oleh pihak Pengajur berhubung dengan Peraduan termasuk tetapi tidak terhad kepada senarai Pemenang dan Hadiah adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau bantahan daripada Peserta tidak akan dilayan.
- 6.12 Pihak Pengajur dan Penaja tidak akan bertanggungjawab atau sebarang liabiliti untuk Hadiah / produk / baucar / e-baucar dan secara nyata mengecualikan dan menolak sebarang kenyataan, waranti atau pengesahan, tersirat atau bertulis, bertulis atau lisan, mengenai produk / baucar / e-baucar ditawarkan di bawah kempen ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada jaminan kualiti, kebolehdagangan, kesesuaian untuk tujuan atau kegunaan tertentu, kesihatan dan keselamatan. Hadiah / produk / baucar / e-baucar yang ditawarkan oleh pemilik jenama di bawah terma dan syarat seperti yang ditentukan oleh pemilik jenama. Sebarang pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan Hadiah / produk / baucar / e-baucar yang ditawarkan oleh pemilik jenama hendaklah diselesaikan oleh pengguna secara terus dengan pemilik jenama.
- 6.13 Melainkan dinyatakan sebaliknya, semua kos pengangkutan, caj internet, kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau apa-apa jenis perbelanjaan yang ditanggung oleh Peserta/Pemenang yang berkaitan dengan Peraduan ini (sama ada untuk tujuan menyertai, menghantar penyertaan atau penerimaan Hadiah) adalah ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang/Peserta. Pihak Pengajur dan Penaja, sekutunya, ejen-ejen dilantik atau

wakilnya tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kos/caj/yuran/perbelanjaan yang ditanggung oleh Peserta/Pemenang berkaitan dengan Peraduan ini.

7. Hak Penganjur / Penaja

- 7.1 Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta memberikan kebenaran kepada pihak Penganjur dan Penaja untuk menggunakan, menyiarkan atau memaparkan nama-nama dan gambar-gambar Peserta/Pemenang (jika ada) bagi tujuan pengiklanan, pemasaran, publisiti dan apa jua tujuan lain di dalam apa jua saluran penerbitan, pengedaran atau paparan, tanpa sebarang notis terlebih dahulu atau bayaran pampasan kepada Pemenang/Peserta. Pemenang/Peserta tidak mempunyai hak untuk membuat tuntutan hak milik atau lain-lain pampasan terhadap material tersebut.
- 7.2 Jika atas apa-apa sebab Peraduan ini tidak dapat diteruskan seperti yang dirancang atas sebab (dan tidak terhad) seperti penyebaran virus komputer, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, apa-apa tindakan kerajaan tidak terhad kepada perintah kawalan pergerakan atau apa-apa sebab di luar kawalan, pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknya, membatalkan, menamatkan, mengubah suai atau menggantung Peraduan ini tanpa sebarang notis.
- 7.3 Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknya, untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta dan/atau penyertaan yang didapati atau disyaki menipu / menggodam / menyalahgunakan proses penghantaran Peraduan, operasi Peraduan atau melanggar mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini dan pihak Penganjur berhak untuk melakukan tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang diyakini telah melakukan aktiviti penipuan atau aktiviti lain yang memudarangkan Peraduan.
- 7.4 Pihak Penganjur dan Penaja berhak untuk meminda Terma dan Syarat Peraduan pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlaknya.
- 7.5 Sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini, arahan dan kaedah Peraduan seperti yang terdapat di laman sesawang www.itexpress.my atau sebaliknya, juga akan mengikat semua Peserta dan penyertaan mereka dalam Peraduan ini.

- 7.6 Jika berlaku apa-apa percanggahan di antara Terma dan Syarat ini dan apa-apa terma yang terkandung dalam sebarang bahan promosi untuk Peraduan ini, terma dan syarat yang terkandung di www.itexpress.my akan diguna pakai. Jika terdapat sebarang percanggahan dalam versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, Terma dan Syarat dalam versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
- 7.7 Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta memberi kebenaran kepada pihak Penganjur atau mana-mana pihak ketiga yang dilantik oleh pihak Penganjur untuk memproses data peribadi Peserta yang diberikan untuk tujuan Peraduan.
- 7.8 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, pihak Penganjur dan Penaja, sekutunya dan/atau pihak ketiga yang dilantik tidak bertanggungjawab atas penyertaan yang hilang, rosak, lewat disebabkan atau sebarang kesilapan teknikal.

8. Liabiliti dan Tanggungjawab

- 8.1 Peserta dan Pemenang akan menanggung sepenuhnya dan bertanggungjawab sekiranya berlaku liabiliti, kejadian tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang disebabkan penyertaan mereka di dalam Peraduan ini dan/atau penebusan dan/atau penggunaan Hadiah dan bersetuju untuk melepaskan pihak Penganjur dan agensinya daripada sebarang tuntutan sama ada bagi sebarang kecederaan, kemalangan, kehilangan nyawa mahupun kehilangan ekonomi dan lain-lain.
- 8.2 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, tidak di dalam apa-apa keadaan pihak Penganjur dan Penaja atau pegawai, pekerja, wakil dan/atau ejen (termasuk, mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang berurusan dengan pihak Penganjur atau pihak Penaja untuk tujuan Peraduan ini) bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik atau ganti rugi tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuaian atau sebaliknya, berkaitan dengan Peraduan ini, walaupun pihak Penganjur dan Penaja telah dinasihatkan tentang kemungkinan kerosakan tersebut terlebih dahulu, dan semua ganti rugi yang tersebut adalah dinafikan.

- 8.3 Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju untuk mematuhi keputusan yang dibuat oleh pihak Penganjur dan bersetuju dengan Terma dan Syarat Peraduan dan semua keputusan yang dibuat oleh pihak Penganjur.
- 8.4 Pihak Penganjur ingin memberi peringatan kepada Peserta untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya semasa menerima sebarang panggilan telefon atau mesej yang meminta maklumat peribadi anda semasa dan atau selepas Peraduan. Pihak Penganjur juga ingin menasihatkan Peserta kami untuk menghubungi pihak Penganjur untuk pengesahan mengenai Peraduan ini.
- 8.5 Terma dan Syarat ini dikawal oleh undang-undang Malaysia dan di bawah bidang kuasa mahkamah Malaysia

9. Perlindungan Data

- 9.1 Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, Peserta bersetuju dan memberi kebenaran kepada bank mereka untuk mendedahkan dan memberi kebenaran kepada pihak Penganjur untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan, memproses nama mereka, nombor kad pengenalan (KP) yang telah ditutupkan dan butir-butir peribadi lain ("Data Peribadi") untuk tujuan menjalankan Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengumuman dan penerbitan Data Peribadi dan/atau foto Peserta di laman sesawang pihak Penganjur dan Penaja untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.
- 9.2 Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, Peserta juga memberikan persetujuan dan kebenaran kepada pihak Penganjur untuk berkongsi atau mengumpul Data Peribadi mereka termasuk dengan pihak ketiga (jika diperlukan) tidak terhad kepada agen pihak Penganjur atau mana-mana bank peserta MyDebit di Malaysia. Semua pihak ketiga tersebut dikehendaki secara kontrak, tidak menggunakan Data Peribadi Peserta selain daripada cara yang dinyatakan di sini.
- 9.3 Di bawah undang-undang Malaysia, hak Peserta termasuk:
 - a) Hak untuk menarik balik kebenaran untuk penggunaan Data Peribadi pada bila-bila masa dengan menghubungi pihak Penganjur di alamat kontak yang dinyatakan di bawah yang disediakan pihak Penganjur dengan memberikan nama dan alamat e-mel Peserta untuk penghapusan Data Peribadi tersebut;
 - b) Hak untuk mendapatkan salinan Data Peribadi yang dimiliki oleh pihak Penganjur; dan

- c) Hak untuk membetulkan Data Peribadi yang tidak tepat.
- 9.4 Peserta boleh merujuk kepada Terma dan Syarat laman web Penganjur di www.jtexpress.my
- 9.5 Pihak Penganjur akan mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk menyimpan Data Peribadi Peserta dengan selamat, dan memerlukan pemprosesan data daripada pihak ketiga untuk melakukan perkara yang sama. Bagaimanapun, pihak Penganjur boleh mendedahkan Data Peribadi Peserta jika dikehendaki oleh undang-undang, waran geledah, sepina atau perintah mahkamah.
- 9.6 Apa-apa perkara berkaitan Data Peribadi yang berhubung kait dengan Peraduan ini akan ditadbir dan diuruskan mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan apa-apa undang-undang yang berkaitan di Malaysia.

[TAMAT]